

Headline	Yosree perkasa akidah umat Islam Johor		
MediaTitle	Berita Harian (Johor)		
Date	13 Sep 2012	Color	Full Color
Section	News	Circulation	231,163
Page No	N6	Readership	1,368,000
Language	Malay	ArticleSize	362 cm <sup>2</sup>
Journalist	Junita Mat Rasid	AdValue	RM 8,075
Frequency	Daily	PR Value	RM 24,224



# Yosree perkasa akidah umat Islam Johor

» Pegawai JAJ bertanggungjawab urus sijil halal, pantau, tapis bahan terbitan meragukan

Oleh Junita Mat Rasid  
junita@bharian.com.my

► Johor Bahru

**N**ama Yosree Ihsan, sinonim dengan Bahagian Penyelidikan Jabatan Agama Johor (JAJ) yang diterajui sejak 2007 dan bertanggungjawab mengkaji serta menyelidik hal berkaitan dengan akidah dan syariat di kalangan umat Islam di negeri ini.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan JAJ itu, sebelum ini mengetuai bahagian penguatkuasa dan sering terbabit dalam pelbagai operasi jabatan berkenaan.

Yosree, 45, berkata bahagian penyelidikan dibahagikan kepada tiga unit utama iaitu Unit Halal, Akidah dan Tafsiran Media yang bertanggungjawab dalam usaha memperkasakan akidah umat Islam negeri ini.

Katanya, pihaknya juga menguruskan proses pensijilan halal untuk produk makanan, proses penyembelihan haiwan, peralatan dan bahan gunaan Islam bagi memastikan ia mengikut peraturan ditetapkan.

Selain itu katanya, pihaknya juga bertanggungjawab membuat penapisan dan pemantauan bahan terbitan berunsur Islam dan apa saja penerbitan meragukan sehingga boleh meme-

song akidah umat Islam.

Beliau berkata, bahagian itu yang mempunyai 22 kakitangan turut bertanggungjawab memeriksa dan mengambil tindakan terhadap apa juga aduan orang ramai terutama berkaitan status halal sesuatu produk atau lokasi.

"Masih ramai peniaga mengambil mudah mengenai soal halal dalam penyediaan makanan dan minuman atau sesuatu produk yang dikeluarkan. Kita mahu pengusaha bukan Islam juga faham mengenai konsep halal dituntut Islam.

"Pada masa sama, umat Islam juga perlu meningkatkan kesedaran mereka berhubung apa juga penggunaan makanan atau minuman. Sebenarnya umat Islam amat sensitif dengan soal halal terutama dalam penyediaan makanan dan minuman," katanya.

Yosree berkata, pengusaha restoran dan premis makanan dinasihatkan memohon sijil halal sebelum menggunakan logo itu bagi mengelak dikenakan tindakan dan pihaknya hanya mengenakan bayaran RM100 untuk setiap permohonan dan diperba-

harui secara tahunan.

"Ada pengusaha premis menggunakan logo halal walaupun tidak ada sijil halal sah, malah ada yang tidak pernah memohon sijil halal tetapi sewenang-wenangnya menggunakan logo itu pada premis mereka. Orang ramai perlu membuat aduan supaya tindakan tegas dijalankan," katanya.

**BIODATA**

**Yosree Ihsan**



- ◎ **Tarikh Lahir:** 17 Mac 1967
- ◎ **Tempat Lahir:** Pengerang, Kota Tinggi
- ◎ **Pendidikan:** Sekolah Kebangsaan Sungai Kapal, Sekolah Menengah Maahad Muar, Universiti Malaya (Syariah), Universiti Teknologi Malaysia.
- ◎ **Pengalaman:** Guru, Kadi, Pegawai agama bahagian dakwah, wakaf, penguatkuasa dan penyelidikan.

Headline	Yosree perkasa akidah umat Islam Johor		
MediaTitle	Berita Harian (Johor)		
Date	13 Sep 2012	Color	Full Color
Section	News	Circulation	231,163
Page No	N6	Readership	1,368,000
Language	Malay	ArticleSize	362 cm <sup>2</sup>
Journalist	Junita Mat Rasid	AdValue	RM 8,075
Frequency	Daily	PR Value	RM 24,224



Yosree bersama kakitangan bahagian penyelidikan Unit Halal, Akidah dan Tafsiran Media yang bertanggungjawab memperkasakan akidah umat Islam Johor. [FOTO ZAIN AHMED/BH]